

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

TARIKH : 8 APRIL 2014

SOALAN :

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik kes-kes individu atau mana-mana pihak yang telah disiasat dan/atau dihadapkan ke mahkamah lanjutan/ekoran daripada kes-kes yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan Laporan Ketua Audit Negara 2012 – LKAN 2012 (Siri 1 dan Siri 2) pada 21 November 2013, Surat Tunjuk Sebab telah dikeluarkan kepada 30 pegawai dan 9 bekas pegawai (pesara). Tujuan pengeluaran surat berkenaan ialah bagi mendapatkan penjelasan dari pegawai mengenai ketidakaturan yang dibangkitkan dalam LKAN 2012.

Bagi 30 orang pegawai yang telah diberikan Surat Tunjuk Sebab, status tindakan terkini adalah seperti berikut:

- (a) 19 pegawai telah dimulakan prosiding tatatertib;
- (b) 2 pegawai telah disyorkan diambil tindakan tatatertib;
- (c) 6 pegawai sedang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- (d) 3 pegawai tidak diambil tindakan tatatertib kerana tidak wujud asas yang kukuh bahawa pegawai berkenaan telah melakukan salah laku atau kecuaiian.

Manakala 9 bekas pegawai awam (pesara) telah memberikan penjelasan dan tiada tindakan lanjut diambil ke atas mereka. Ini adalah kerana tiada asas yang kukuh bahawa pegawai telah melakukan salah laku dan kecuaiian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 seperti mana yang dibentangkan di Parlimen pada 1 Oktober 2013 dan 2 Disember 2013, terdapat sebanyak 378 teguran telah dibuat dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 yang melibatkan 111 (29%) teguran bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan, 38 (10%) teguran bagi Badan Berkanun dan 229 (61%) teguran bagi negeri.

Sebanyak 267 (71%) teguran audit melibatkan penambahbaikan peraturan, prosedur dan proses kerja dan tindakan penambahbaikan ini telah dan sedang diambil oleh agensi terlibat. Manakala 111 (29%) teguran melibatkan 121 kes penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas.

Sebanyak 17 kertas siasatan berkaitan LKAN 2012 telah dirujuk oleh pihak SPRM kepada Jabatan Peguam Negara. Status kertas-kertas siasatan adalah seperti berikut:

- (a) 9 kertas siasatan telah disyor untuk ditutup kerana tiada keterangan yang mencukupi bagi membolehkan pertuduhan jenayah di bawah mana-mana undang-undang dikenakan terhadap mana-mana pegawai / individu yang dinamakan di dalam kertas siasatan tersebut. Daripada 9 kertas siasatan tersebut, 5 kes dicadangkan untuk tindakan tatatertib;
- (b) 7 kertas siasatan lagi telah dikembalikan oleh Jabatan Peguam Negara kepada pihak SPRM untuk siasatan lanjut; dan

- (c) Bagi satu (1) kertas siasatan, pendakwaan telah dibuat di Mahkamah Sesyen Kota Bharu terhadap seorang pesara kerajaan di bawah Seksyen 468 Kanun Keseksaan. Individu tersebut telah dituduh dengan 52 pertuduhan pemalsuan dokumen dengan tujuan untuk menipu.

Sekian. Terima Kasih.